

Semua 20 universiti awam guna iCGPA bulan ini

HARIAN METRO (SETEM PAT) 2 SEPT 2016 m/s 44

Shah Alam: Bermula bulan ini, semua 20 universiti awam (UA) sudah melaksanakan sistem penilaian pelajar baru iaitu Purata Nilai Gred Keseluruhan Berintegrasi (iCGPA).

Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Idris Jusoh berkata, pelaksanaan itu hasil kefahaman pentadbiran universiti mengenai keberkesanan dan kaedah pelaksanaan sistem itu dalam melahirkan pelajar holistik.

“Sebanyak lima UA sudah melaksanakannya pada September tahun lalu dan akhirnya diikuti semua 20 UA pada bulan ini yang dimulakan kepada penuntut baru mendaftar.

“Matlamat utama pelaksanaan sistem ini bertujuan mahu melahirkan penuntut yang bukan saja cemerlang dalam akademik namun mempunyai ciri keusahawanan dan mampu berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dengan baik,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Majlis Penjenamaan Semula Kolej PTPL, semalam.

Lima UA yang sudah melaksanakan iCGPA adalah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti



IDRIS (dua dari kanan) beramah mesra bersama pelajar sambil diperhatikan Presiden MSU Prof Tan Sri Dr Mohd Shukri Ab Yajid (kanan) selepas merasmikan majlis Penjenamaan Semula Kolej PTPL di MSU, Shah Alam, semalam.

Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Malaysia Kelantan dan **Universiti Malaysia Pahang.**

Sistem iCGPA mula dikaji dan dibangunkan sejak 2009 melalui kerjasama UKM dan UiTM serta mendapat konsultasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia.

Sistem penilaian itu me-

rangkumi sembilan aspek antaranya kefahaman dan kemahiran akademik, pemikiran kritikal dan saintifik, kemahiran berkomunikasi dan sosial, pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat, pengurusan dan keusahawanan serta kepemimpinan.

Idris berkata, semua universiti itu akan dilengkapi

dengan buku panduan mengenai iCGPA bagi mengetahui cara pelaksanaan dan penilaian lengkap.

“Sistem penilaian baru ini dapat mengatasi masalah ketidaksepadanan antara kualiti graduan dan kehendak majikan kerana sistem sedia ada hanya mengukur kemampuan akademik penuntut,” katanya.